

## PROGRAM SOKONGAN SUKAN SETEMPAT – SPEXBUSINESS

### Lagi dua syarikat tampil sokong atlit

INISIATIF Bisnes Kecemerlangan Sukan (spexBusiness) – program di bawah agensi sukan negara Sport Singapore (SportSG) yang meringkankan beban atlit mengimbangi masa antara latihan dengan kerjaya – mendapat suntikan rangsangan baru-baru ini.

Ini menyusuli penyertaan F&N Foods Pte Ltd dan Nestle Singapore, menjadikan jumlah syarikat dalam rangkaian ini – yang turut memberi peluang kepada atlit melakar kerjaya terutama selepas bersara daripada sukan – sebanyak 52 kesemuanya sejauh ini.

Selain menyediakan jadual fleksibel dan mempersiapkan atlit bagi kerjaya selepas bersukan, kedua rakan baru spexBusiness akan mengemukakan bantuan dalam pembangunan prestasi tinggi dengan menjaga pemakanan mereka sepanjang menjalani

latihan dan juga semasa tempoh pemulihan.

Tajaan selama tiga tahun itu akan menyaksikan F&N and Nestle masing-masing mengeluarkan produk berkhasiat bernilai \$30,000 dan \$20,000 setiap tahun.

Mengaluk-alukannya, Toh Boon Yi, ketua Institut Sukan Singapura (SSI) yang memantau skim spexBusiness ini, berkata:

“Komitmen dan peluang yang ditawarkan rangkaian spexBusiness kini semakin luas. Terdapat pelbagai peluang bagi korporat kita mengemukakan sokongan kepada atlit tidak kira sama ada semasa atau selepas tempoh kerjaya atlit... korporat boleh menyesuaikan bantuan dengan keperluan atlit kami.”

“Lagipun, kami adalah Team Singapore yang menjadi sebahagian daripada masyarakat besar yang berusaha meningkat-

kan lagi tahap pencapaian sukan di negara ini.”

Bagi pesilat Muhammad Nur Alfian Juma'en, segala sokongan yang dihulurkan itu tentunya akan memberi manfaat kepada atlit negara sepertinya.

“Bersaing di peringkat elit, perkara sekecil ini yang akan membawa perbezaan ke atas persembahan kami.”

“Makanan dan minuman yang berkhasiat ini akan membantu kami dalam proses penghidratan dan pemulihan. Lagipun kami berbesar hati melihat jenama yang popular dan dipercayai seperti F&N dan Nestle tampil menyokong kami,” ujarnya.

Inisiatif yang bermula pada 2013 dengan hanya tujuh syarikat ini antara komponen penting dalam mewujudkan eko-sukan yang rancak di negara ini.



**BANTU ATLIT:** Produk berkhasiat F&N dan Nestle membantu persiapan atlit Team Singapore seperti tiga pesilat negara ini, (dari kiri) Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, Sheik Farhan dan Nur Alfian, terutama dari segi kesihatan dan proses pemulihan mereka. – Foto SPORTSG